SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

PENOLONG PEGAWAI UGAMA (C.3-4 EB.5)
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

1. Syarat-Syarat Am:

(A) Pemohon hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal'Jamaah.

(B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

(C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

(D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

(A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.

(B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.

PENOLONG PEGAWAI UGAMA
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
C.3-4 EB.5 ($1,990 - $2,970 EB KHAS $3,040 - $3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.

ATAU

b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

3. Mempunyai pengetahuan dalam tatacara pengurusan jenazah orang Islam dan Urus Tadbir Tanah-Tanah Perkuburan Islam adalah satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab sebagai Ketua Unit Tanah-Tanah Perkuburan Islam dalam merancang, menyelaras, mengawal selia dan memastikan pengurusan serta pemeliharaan Tanah-Tanah Perkuburan Islam dilaksanakan menurut Hukum Syarak, adab-adab Islam dan ketetapan yang berkuatkuasa;

2. Memastikan Tanah-Tanah Perkuburan Islam di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama sentiasa berada dalam keadaan yang sesuai, teratur dan sempurna bagi memenuhi keperluan pengurusan dan pengebumian jenazah umat Islam sebagai sebahagian daripada pelaksanaan tanggungjawab fardu kifayah;

3. Merancang dan melaksanakan pemeriksaan serta pemantauan berkala ke atas Tanah-Tanah Perkuburan Islam bagi memastikan kesucian, kehormatan dan kemuliaan kawasan perkuburan sentiasa terpelihara serta penggunaannya tidak bercanggah dengan Hukum Syarak dan adab-adab Islam;

4. Menyelaras dan mengambil tindakan terhadap isu, aduan atau perkara yang berkaitan dengan pengurusan, penggunaan dan pemeliharaan Tanah-Tanah Perkuburan Islam dengan memastikan tindakan yang diambil bersesuaian dengan Hukum Syarak, peraturan dan ketetapan yang berkuatkuasa;

5. Memberikan pandangan dan menyelaras perkara-perkara berkaitan pengurusan Tanah-Tanah Perkuburan Islam, termasuk aspek kesesuaian kawasan, kemudahan dan pelaksanaan kerja-kerja yang melibatkan kawasan perkuburan dengan mengambil kira keperluan Hukum Syarak dan kepentingan umat Islam;

6. Mengawal selia perlaksanaan kerja-kerja pembangunan, pemeliharaan dan penambahbaikkan kemudahan di Tanah-Tanah Perkuburan Islam bagi memastikan pelaksanaannya tidak menjejaskan kesucian, kehormatan dan kepentingan kawasan perkuburan menurut prinsip dan adab Islam;

7. Menyemak dan meneliti kertas kerja yang berkaitan dengan pengurusan, pemeliharaan dan penyediaan kemudahan Tanah-Tanah Perkuburan Islam bagi memastikan keperluan dan kepentingan pengurusan perkuburan umat Islam diambil kira dengan sewajarnya;

8. Menyelaras dan memastikan kerja-kerja pemeliharaan, pembersihan dan penyelenggaraan Tanah-Tanah Perkuburan Islam dilaksanakan secara teratur, berjadual dan berterusan dengan mengambil kira adab, kesopanan dan penghormatan terhadap kawasan perkuburan Islam;

9. Menilai keberkesanan pengurusan dan pemeliharaan Tanah-Tanah Perkuburan Islam serta mengenal pasti isu, keperluan dan cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memenuhi keperluan semasa umat Islam;

10. Memantau, membimbing dan menilai prestasi kakitangan di bawah kawalan dalam melaksanakan tugas-tugas berkaitan pengurusan dan pemeliharaan Tanah-Tanah Perkuburan Islam bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan dengan cekap, berintegriti dan berlandaskan nilai-nilai Islam; dan

11. Bersedia menerima arahan untuk melaksanakan tugas di luar waktu pejabat, pada hari kelepasan awam atau cuti awam serta melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan pengurusan Hal Ehwal Tanah-Tanah Perkuburan Islam sebagaimana diarahkan oleh Ketua Bahagian dari semasa ke semasa.